



KENYATAAN AKHBAR
MAJLIS PELANCARAN LATIHAN "SERVICE EXCELLENCE IN HOSPITALITY /
FOOD SERVICE INDUSTRY"
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Selasa, 20 Ogos 2019, Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Pusat SEAMEO Voctech, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), dan Persatuan Hotel-Hotel Brunei (BAH) pada masa ini mengadakan latihan "Service Excellence in Hospitality / Food Service Industry" bagi restoran – restoran di Negara Brunei Darussalam.
2. Majlis pelancaran latihan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Pengarah Pusat SEAMEO Voctech, Dr Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli; Ketua Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Awang Muhd Kamarul Izzudin bin Haji Kamaluddin dan Yang Di-Pertua Persatuan Hotel-Hotel Brunei, Awang Mohd Iswandi bin Maaruf.
3. Sebanyak 100 buah restoran akan mengikuti latihan di sepanjang bulan Ogos sehingga Oktober 2019. Latihan amali akan diadakan sebanyak 4 sesi bermula pada 20hb – 21hb Ogos 2019 di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sementara latihan praktikal diadakan di Longhouse Restaurant, Institut Pendidikan Teknikal Brunei. Sesi kedua latihan amali akan diadakan pada 2hb-3hb September, sesi ketiga ialah pada 14hb-15hb September dan sesi terakhir ialah pada 30hb-31hb Oktober 2019. Sementara latihan praktikal akan diadakan berterusan bertempat di Longhouse Restaurant, Institut Pendidikan Teknikal Brunei.
4. Kearah usaha bagi memastikan kualiti perkhidmatan pelanggan yang sangat baik, latihan berbentuk amali dan praktikal bagi program "Service Excellence in Hospitality/Food Service Industry" di adakan khususnya kepada *front-liners* iaitu pelayan-pelayan di restoran-restoran yang terpilih dan menjadi tumpuan bagi pelancong – pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam.
5. Latihan ini adalah sebagai persediaan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi tuan rumah kepada ASEAN Tourism Forum (ATF) yang akan diadakan pada 12hb-16hb Januari 2020 bertempat di The Empire Hotel and Country Club dan Dewan Persidangan Bridex, Jerudong.

6. Program latihan ini juga adalah bertujuan untuk menyediakan peserta-peserta untuk meneroka asas-asas perkhidmatan pelanggan dalam konteks persekitaran industri hospitaliti yang berdaya saing. Antaralain objektif latihan ini adalah bagi mengembangkan, mengusahakan dan memperkukuhkan peserta-peserta dalam kemahiran, pengetahuan dan sikap *service-delivery-oriented skills*.
7. ASEAN Tourism Forum ini merupakan kerjasama antara Negara-Negara ASEAN untuk mempromosikan ASEAN sebagai satu destinasi pelancongan. ASEAN Tourism Forum (ATF) ini diadakan setiap tahun, dan dikendalikan secara bergilir-gilir di kalangan negara-negara ahli ASEAN mengikut susunan abjad Negara.
8. Seramai kira – kira 1,500 delegasi termasuk Menteri-Menteri, Ketua – Ketua Pertubuhan Pelancongan ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun, Korea, India dan Rusia akan turut hadir bagi acara tersebut di atas. Acara ini juga melibatkan penyertaan daripada pihak-pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan dari negara-negara ahli ASEAN, para media, *international buyers* dan juga pertubuhan-pertubuhan berkaitan dengan sektor pelancongan daripada luar ASEAN, seperti Pertubuhan Pelancongan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO), Majlis Pelancongan dan Pengembaraan Sedunia (WTTC), dan lain-lain.

- TAMAT -